

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. PROF. DATUK TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**Majlis Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Sesi 2024/2025,  
Apresiasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Universiti Teknikal  
Malaysia Melaka (UTeM) Sesi 2023/2024 dan Penghargaan  
Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) 2024**

---

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

26 November 2024 / 3.00 petang  
AMES Hotel, MELAKA

Terima kasih pengacara majlis

Bismillahirahmanirahim

## **SALUTASI**

-Seperti di Lampiran

1. Terlebih dahulu, marilah kita memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada petang ini bersempena dengan penganjuran 3 program dalam satu majlis yang sama iaitu

**Majlis Watikah Pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)**

**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Sesi  
2024/2025, Apresiasi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)**


**Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) Sesi  
2023/2024, dan Penghargaan Jawatankuasa Pemilihan  
Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) 2024**

2. Terlebih dahulu saya ingin **mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)** yang tidak pernah gagal untuk menganjurkan majlis ini setiap tahun bagi menghargai jasa dan khidmat yang telah dan akan diberikan pelajar untuk universiti.

**Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian**

3. Untuk makluman bersama, Pilihan Raya Kampus (PRK) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi sesi 2024

telah berlangsung dari 9 - 29 Oktober 2024 yang mana **28 dan 29 Oktober adalah tarikh pembuangan undi** dan pada **29 Oktober 2024, Majlis Tertinggi baharu MPP sesi 2024/2025 telah dipilih oleh ahli MPP sendiri.**

- 
4. Saya ingin menyampaikan penghargaan kepada seluruh warga UTeM, khususnya mahasiswa/i yang telah menunjukkan semangat tanggungjawab yang luar biasa sepanjang proses PRK berlangsung. Walaupun **PRK kali ini berlangsung dalam musim perayaan Deepavali, di mana lebih 50% daripada pelajar kita telah pulang ke kampung halaman untuk bersama keluarga, jumlah pengundi yang keluar mengundi tetap mencatatkan rekod yang membanggakan.**

5. **12,024 daripada 14,448 pelajar** telah melaksanakan tanggungjawab mereka, menjadikan peratusan keluar mengundi sebanyak **83.22%**, iaitu **kedua tertinggi dalam sejarah UTeM** selepas rekod tertinggi **84.33%** pada tahun lalu. Ini membuktikan bahawa mahasiswa/i kita sentiasa peka terhadap pentingnya menyuarakan pendapat dan memilih wakil mereka dalam kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

6. Saya mewakili pihak pengurusan universiti, ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada seluruh calon yang bertanding dalam PRK kali ini. Tahun ini menyaksikan satu lagi

pencapaian bersejarah di UTeM apabila sebanyak **40 pelajar bertanding untuk 26 kerusi MPP**, menjadikannya **bilangan pencalonan tertinggi dalam sejarah PRK UTeM selepas pandemik**. Ini adalah satu petanda positif bahawa pelajar UTeM semakin berminat untuk terlibat secara langsung dalam aspek kepimpinan, pengurusan organisasi, dan penyampaian aspirasi mahasiswa.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

7. Seperti yang telah saya maklumkan sebentar tadi, **ahli MPP telah memilih Majlis Tertinggi (MT) MPP pada 29 Oktober 2024 iaitu pada hari yang sama dengan hari pengundian**. Ini adalah satu langkah penting dalam memastikan kelancaran

pentadbiran organisasi MPP yang baharu dan komitmen MPP untuk menjalankan tanggungjawap mereka. Dalam tempoh satu minggu selepas itu, penyusunan biro serta portfolio masing-masing telah diselesaikan dengan teratur. Ini membuktikan komitmen dan kesungguhan MPP sesi ini untuk segera menjalankan tugas mereka demi kebajikan dan kesejahteraan seluruh pelajar UTeM.

8. Saya yakin dan percaya bahawa **barisan kepimpinan MPP yang baharu ini** akan terus memberikan **perkhidmatan terbaik**, menjadi **suara mahasiswa yang efektif**, serta memastikan setiap **program** yang dirancang dapat memberikan **impak positif kepada komuniti kampus** kita.

9. Kita tidak boleh memandang enteng peranan MPP dalam memacu transformasi di peringkat universiti. Sepanjang sesi 2023/2024, kita telah menyaksikan **pelbagai program dan inisiatif yang berjaya dianjurkan oleh MPP dengan kerjasama fakulti, persatuan pelajar, dan agensi luar**. Antara pencapaian yang boleh dibanggakan termasuk Minggu Kebajikan UTeM ku Sayang, Pesta Konvo, Sukan Antara Fakulti dan Kem Kepimpinan dan Kenegaraan MADANI.


10. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk berpesan kepada semua MPP yang baru sahaja dilantik. Anda semua merupakan **duta universiti dan merupakan individu-individu yang berada di hadapan**. Anda membawa imej

universiti dan galaslah tanggungjawab tersebut dengan sebaik-baiknya. Segala tindakan dan perilaku anda selepas ini akan sentiasa diperhatikan. **Berhati-hati dalam setiap keputusan yang dibuat dan sentiasa berbincang dengan penasihat dan juga pegawai-pegawai di Pejabat HEPA.**

11. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada barisan MPP sesi 2023/2024 yang telah menunjukkan dedikasi yang luar biasa dalam melaksanakan amanah mereka. Sesungguhnya, pengalaman dan pencapaian anda akan menjadi inspirasi kepada barisan kepimpinan baru.

12. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah menjayakan PRK kali ini, termasuk barisan pengurusan HEPA, urusetia PRK, pensyarah, staf sokongan, dan terutamanya mahasiswa UTeM.
13. Marilah kita terus bekerja sebagai satu pasukan demi merealisasikan visi dan misi UTeM sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang unggul, inovatif, dan inklusif. Semoga sesi ini membawa kita ke arah kejayaan yang lebih gemilang pada masa hadapan.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh. Terima kasih



اوپیزه سیتی یکنیکل ملیسیا ملاک

---

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA